

Ruj. Kami : ANM.PK.A 600-1/8(13)
Tarikh : 02 Mei 2019

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

Y.Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

TATACARA KUNCI MASUK BAYARAN BALIK EFT DITOLAK

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman, proses kunci masuk **Bayaran Balik EFT Batal** adalah merujuk kepada **Manual Latihan Bayaran Balik EFT Batal AP-21100N**. Proses kunci masuk adalah **Wajib** mengikut langkah-langkah pada manual latihan tersebut dan **tidak boleh dikunci masuk secara manual** pada ruangan **No. Cek/EFT** dan **baris caj (chargeline)** bagi mengelakkan implikasi-implikasi seperti berikut.:

- i) Status pada laporan **Senarai Cek/EFT yang dibatalkan ZWDAPR041** kekal pada status **dibatal sahaja dan belum diganti (status 1)** walaupun penggantian telah dibuat.
- ii) Nombor EFT/Cek yang telah diganti masih ada pada kod pembekal di modul **Bayaran Balik EFT**.

Selain itu, PTJ akan berisiko membuat bayaran balik EFT lebih daripada sekali berikutan EFT tersebut berstatus belum diganti pada laporan dan data EFT masih boleh diakses pada sub-modul Bayaran Balik EFT.

3. Sehubungan dengan itu, pihak Y.Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan adalah diminta untuk memastikan bahawa pegawai-pegawai di PTJ tuan/puan mengunci masuk Bayaran Balik EFT tersebut dengan mengikuti tatacara yang sebenar.

4. Bersama-sama ini disertakan Tatacara Kunci Masuk Bayaran Balik EFT untuk rujukan dan perhatian tuan/puan.

5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai-pegawai di Unit Akaun seperti berikut :

- | | |
|------------------------------------|-------------------------|
| i. Encik Mohd Shahrezza Bin Hassim | 05-2462 100 (samb. 121) |
| ii. Puan Khairiah Binti Ramli | 05-2462 100 (samb. 123) |

6. Kerjasama dan tindakan segera pihak Y.Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan berkenaan perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**PENGARAH
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK**

TATACARA KUNCI MASUK BAYARAN BALIK EFT

Skrin 1

The screenshot shows a software interface with a top navigation bar containing the following tabs: Tugas, Data Induk, Waran, Baucar Jurnal, Perolehan, **Pengurusan Arahan Pembayaran**, and Terimaan. Below this, there are three sub-tabs: **Arahan Pembayaran Dengan Pesanan Kerajaan**, **Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan**, and Arahan Pembayaran. A red box highlights the 'Pengurusan Arahan Pembayaran' tab, and a yellow circle with the number '1' is placed over the 'Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan' sub-tab. A yellow circle with the number '2' is placed over the 'DAFTAR ARAHAN PEMBAYARAN' form area. On the left side, there is a 'Daftar Dokumen' menu with several items. A red box highlights 'Bayaran Balik EFT Batal', and a yellow circle with the number '4' is placed over it. Another red box highlights 'Daftar Dokumen', and a yellow circle with the number '3' is placed over it. The main form area, titled 'DAFTAR ARAHAN PEMBAYARAN', contains a 'Workitem ID' field with the value '000000000000'. Below this are several buttons: 'Simpan', 'Semak Data', 'Hantar', 'Lulus', 'Kuri', 'Set Semula', 'Hapus', 'Semak Peruntukan', 'Cetak', and 'Kembali'. The 'DATA ASAS' section includes the following fields: 'Tahun Kewangan' (2016), 'Kod Pejabat Perakaunan' (1102) with 'KEMENTERIAN KEWAN' as a dropdown, 'Kod Pegawai Pengawal Pembayar' (B6) with 'KETUA SETIAUSAHA P' as a dropdown, 'Kod Kumpulan PTJ & PTJ Pembayar' (27020301) with 'KUMPULAN PTJ JABA' and 'PEJABAT PENGARAH' as dropdowns, and 'Tarikh Bil/Invois *' with an empty date field.

Bil	Nama Medan / Butang	Mandatori (M)	Tindakan
1	Pengurusan Arahan Pembayaran	M	Klik Pengurusan Arahan Pembayaran
2	Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan	M	Klik Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan
3	Daftar Dokumen	M	Klik Daftar Dokumen
4	Bayaran Balik EFT Batal	M	Klik Bayaran Balik EFT Batal

Skrin 2

DATA ASAS

Tahun Kewangan: 2016 AKB AP96(a) AP58(a) Tahun * AP54

Kod Pejabat Perakaunan: 1102 KEMENTERIAN KEWANGAN

Kod Pegawai Pengawal Pembayar: B6 KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN

Kod Kumpulan PTJ & PTJ Pembayar: 27020301 KUMPULAN PTJ JABATAN AKAUNTAN NEGARA
PEJABAT PENGARAH BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERAKAUNAN DAN PENGURUSAN

Tarikh Bil/Invois *: 05.08.2016

Tarikh Terima Bil/Invois *: 06.08.2016

Tarikh Peraku *: 07.08.2016

Tarikh Terima Kewangan *: 08.08.2016

No. Bil/Invois *: INVATAL10

Tarikh Dokumen: 10.08.2016

No. Dokumen:

Amaun(RM) *:

Perihal Bayaran *: eft batal 101

Jenis Arahan Pembayaran: J BAYAR BALIK EFT BATAL

Jenis Dokumen: K9 Byrn Balik EFT Batal

Jenis Bayaran: T Electronic Fund Transfer (EFT)

No. SST:

No. Kontrak Fizikal:

No. Cek/EFT *:

No Rujukan Majikan (KWSP):

Bulan Caruman (BBTTTT):

Jenis Bayar:

Kod Negeri:

MAKLUMAT PENERIMA

Perseorangan Berganda

Kod Pembekal *: 5063000833

Nama *: Yun Buaq Chaqq

Nama 2:

Nama 3:

No. KP/No. Pendaftaran *:

No. Kontrak:

No. Kontrak Deposit:

No. Gaji: 63000833

No. H/P: 0123456789

No. Faks:

E-mel:

SILA PILIH NOMBOR EFT PADA BUTANG PILIHAN DAN TIDAK MEMASUKKAN NO. EFT SECARA MANUAL

MASUKKAN NO. KOD PEMBEKAL SEPERTI PADA BAUCAR ASAL

Bil	Nama Medan / Butang	Mandatori (M)	Tindakan
1	Tarikh Bil/Invois *	M	Pada medan Tarikh Bil/Invois* , masukkan data sebagai contoh "01.01.2019" .
2	Tarikh Terima Bil/Invois * Jenis Dokumen Bayaran Balik EFT Batal	M	Pada medan Tarikh Bil/Invois* Jenis Bayaran Balik EFT Batal , masukkan data sebagai contoh "02.01.2019" .
3	Tarikh Peraku*	M	Pada medan Tarikh Peraku* , masukkan data sebagai contoh "03.01.2019" .
4	Tarikh Terima Kewangan *	M	Pada medan Tarikh Terima Kewangan* , masukkan data sebagai contoh "03.01.2019" .
5	No. Bil/Invois *	M	Pada medan No. Bil Invois* , masukkan data sebagai contoh "invbatal01" .
6	Perihal Bayaran *	M	Pada medan Perihal Bayaran* ,

			masukkan data sebagai contoh “ Bayaran balik EFT Batal No. EFT dan Tarikh EFT ”.
7	Kod Pembekal *	M	Pada medan Kod Pembekal* , masukkan data sebagai contoh “ 5063000833 ”.
8	Kod Pembekal *	M	Tekan kekunci Enter
9	No. Cek/EFT *	M	Klik NO. Cek /EFT* .

Skrin 3



Baris caj akan dimasukkan secara **AUTOMATIK** selepas nombor EFT batal pada skrin ini dipilih sekaligus mengurangkan kesalahan pada baris cas dan memberi kesan langsung pada status di laporan Senarai cek / EFT dibatalkan.